

Seksyen 9(5) jamin hak berhimpun, penyelarasan cekap pihak berkuasa

● Seksyen 9(5) APA 2012 tidak melarang perhimpunan, tetapi memperuntukkan penalti terhadap penganjur yang gagal memberi notis lima hari kepada pihak polis. Ia tidak menyentuh peserta atau kandungan perhimpunan itu sendiri

● Keperluan pemberian notis lima hari kepada pihak berkuasa terpakai secara seragam kepada semua penganjur perhimpunan, tanpa mengira latar belakang atau tujuan



Oleh Dr Noor Faridah Mohd Noor
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Antarabangsa Kerajaan dan Undang-Undang (COLGIS), UUM

Awal bulan ini, Mahkamah Persekutuan memutuskan Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA), yang mengenakan denda terhadap penganjur perhimpunan jika gagal memberikan notis lima hari sebelum mengadakan perhimpunan kepada polis, adalah tidak berperlembagaan.

Keputusan ini dilihat menimbulkan persoalan besar mengenai keseimbangan antara hak asasi individu dan keperluan negara untuk mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan nasional.

Dalam menilai implikasi keputusan ini, penting untuk memahami kedudukan Seksyen 9(5) APA 2012 dalam konteks Perlembagaan, khususnya di bawah Perkara 10 Perlembagaan.

Walaupun Perkara 10(1)(c) menjamin hak setiap warganegara untuk berhimpun secara aman, Perkara 10(2)(b) memberikan kuasa kepada Parlimen untuk mengenakan sekatan difikirkan perlu atau suai manfaat bagi menjaga keselamatan Persekutuan atau ketenteraman awam.

Seksyen 9(5) APA 2012 tidak melarang perhimpunan, tetapi memperuntukkan penalti terhadap penganjur yang gagal memberi notis lima hari kepada pihak polis. Ia tidak menyentuh peserta atau kandungan perhimpunan itu sendiri.

Dalam konteks ini, keperluan notis awal harus dilihat sebagai mekanisme pentadbiran yang sah dan perlu, bertujuan menyelaraskan dan mengurus aspek keselamatan perhimpunan awam secara berkesan, bukan sebagai penindasan terhadap kebebasan.

Tanpa penguatkuasaan bermakna, keperluan prosedur seperti notis akan kehilangan keberkesanannya. Denda maksimum RM10,000 dikenakan juga munasabah, mengambil kira potensi gangguan keselamatan dan beban logistik akibat perhimpunan besar tidak diberitahu lebih awal.

Matlamat utama APA adalah untuk mengimbangi hak berhimpun secara aman dengan keperluan mengekalkan ketenteraman awam.

Keperluan memberikan notis terlebih dahulu adalah langkah prosedur neutral dan munasabah bagi mencapai keseimbangan ini, bukan satu bentuk diskriminasi.

Dalam kebanyakan sistem perundangan moden, pelanggaran keperluan pentadbiran seumpama ini dianggap kesalahan ringan, setaraf dengan kesalahan seperti memandu melebihi had laju atau pembinaan tanpa kelulusan.

Oleh itu, pengenaan liabiliti ke atas penganjur perhimpunan bukan satu bentuk penindasan, tetapi langkah kawal selia sah dan lazim.

Dari perspektif perundangan, mahkamah seharusnya menilai kesahan Seksyen 9(5) berdasarkan prinsip digariskan dalam Kes Sivarasa Rasiyah dengan Badan Peguam (BAR) 2010 3 CLJ 507 menetapkan sesuatu sekatan terhadap hak asasi mesti mempunyai matlamat sah, hubungan rasional dengan matlamat itu, kesan minimum terhadap hak, dan keseimbangan keseluruhan munasabah.

Seksyen 9(5) jelas memenuhi semua kriteria itu. Ia membolehkan perancangan keselamatan dilaksanakan dengan lebih berkesan, tidak menjejaskan hak untuk berhimpun secara aman dan mengenakan hukuman secara terhad serta bersasar hanya kepada pihak penganjur.

Dari perspektif prinsip kesamarataan di sisi undang-undang seperti diperuntukkan dalam Perkara 8(1) Perlembagaan, layanan adil tidak semestinya bermaksud layanan seragam dalam setiap keadaan.

Mahkamah dalam kes Ong Ah Chuan dengan Pendakwa Raya (1981) AC 648, menegaskan undang-undang boleh melakukan klasifikasi atau perbezaan, asalkan ia berasaskan alasan munasabah dan mempunyai laju rasional dengan objektif sah.

Keperluan beri notis lima hari

Dalam konteks ini, keperluan pemberian notis lima hari kepada pihak berkuasa terpakai secara seragam kepada semua penganjur perhimpunan, tanpa mengira latar belakang atau tujuan.

Oleh itu, peruntukan ini tidak bersifat diskriminatif dan sejajar dengan prinsip kesamarataan dijunjung Perlembagaan.

Penting juga untuk mengambil kira pandangan Mahkamah Persekutuan dalam kes Lee Kwan Woh dengan Pendakwa Raya (2009) 5 CLJ 631 yang menegaskan peruntukan Perlembagaan perlu ditafsirkan secara menyeluruh dan berdasarkan objektif serta semangat sebenar Perlembagaan, bukan secara literal atau teknikal semata-mata.

Pendekatan ini mengiktiraf perlunya keseimbangan antara hak individu dan kepentingan awam dalam sistem Demokrasi Berperlembagaan.

Tafsiran terlalu sempit atau mekanikal terhadap Perkara 8(1) juga berisiko mencairkan erti sebenar kesamarataan, dan seterusnya menyukarkan penggubalan undang-undang bertujuan melindungi kepentingan awam melalui kaedah adil dan munasabah.

Hak dalam demokrasi bukan sekadar keistimewaan satu hala. Ia datang bersama tanggung-

jawab, terutama berkaitan ketenteraman dan keselamatan awam.

Menghapuskan liabiliti jenayah terhadap penganjur yang mengabaikan notis asas boleh mengahkis tanggungjawab sivik dan menggalakkan ketidakbertanggungjawaban atas nama hak.

Justeru, dakwaan bahawa sebarang bentuk sekatan ke atas hak berhimpun sebagai tidak munasabah, adalah 'tidak berasas' kerana realiti pelaksanaan tugas kepolisian memerlukan pendekatan proaktif dan terancang.

Tanpa kewujudan mekanisme notis yang boleh dikuatkuasakan secara sah, pihak berkuasa berdepan beberapa risiko serius, termasuk:

- Perhimpunan berskala besar berlaku secara spontan berpotensi mengganggu kelancaran perkhidmatan kecemasan dan logistik awam.
- Ketidadaan penyelarasan mencukupi boleh meningkatkan risiko insiden seperti keganasan, rempuhan orang ramai, atau provokasi pihak ketiga.

Polis akan berada dalam kedudukan reaktif dan defensif, sekali gus melemahkan keupayaan mereka untuk melindungi keselamatan awam serta menjejaskan persepsi terhadap kredibiliti institusi demokrasi.

Walaupun keputusan Mahkamah Persekutuan itu berpaksikan perlindungan kebebasan berhimpun, ia kurang menimbang keperluan pentadbiran dan tadbir urus wajar dalam sebuah negara demokratik.

Seksyen 9(5) bukan satu bentuk penindasan, sebaliknya instrumen kawal selia sah, munasabah dan bersifat sederhana bagi memastikan akauntabiliti penganjur perhimpunan serta penyelarasan cekap pihak berkuasa.

Struktur dan prosedur tidak melemahkan demokrasi, malah ia memperkuatkan ketelusan, penyelarasan dan keselamatan awam.

Dalam usaha mahkamah melindungi kebebasan berhimpun, terdapat risiko ia secara tidak langsung melemahkan struktur undang-undang yang memberi sokongan kepada pelaksanaan hak itu secara bertanggungjawab dan teratur.

